

Ngah Ibrahim dikebumikan di Singapura - Cucu

SHAH ALAM 5 Sept. - Salah seorang cucu kepada Orang Kaya Menteri, Ngah Ibrahim, Fatimah Mohamed, 83, hari ini mengesahkan pahlawan Melayu itu dikebumikan di Singapura sebagaimana yang tercatat dalam sejarah.

Beliau yang pernah tinggal bersama dan menjaga salah seorang anak Ngah Ibrahim iaitu Sofiah dari tahun 1956 hingga 1958 juga berkata, tidak pernah mendengar berita bahawa datuknya itu dikebumikan di Kampung Dendang dekat Beruas, Perak.

Fatimah yang berkahwin dengan anak Sofiah iaitu Mohd. Anuar Lope Abdul Shukur memberitahu, tidak mengenali Yacob Ngah Ibrahim, lelaki yang mengaku sebagai anak bongsu Ngah Ibrahim dan mendakwa pahlawan Melayu itu dikebumikan di Perak.

"Selama dua tahun saya tinggal dan menjaga Sofiah tidak pernah saya dengar cerita Ngah Ibrahim dikebumikan di Perak, kalau betul dakwaan itu sudah pasti Sofiah tahu dan akan bercerita.

"Ini kerana Sofiah adalah anak bongsu dan merupakan anak perempuan tunggal yang menjadi kesayangan Ngah Ibrahim," kata Fatimah ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini,

Fatimah berkata, Ngah Ibrahim mempunyai empat orang anak iaitu Wan Mat Isa, Wan Nasir, Wan Syukor dan Sofiah.

Katanya, Sofiah adalah satu-satunya anak yang dibawa oleh Ngah Ibrahim ke Kepulauan Seychelles ketika dibuang negeri selepas didapati terbabit dengan pembunuhan Residen Inggeris Perak, J.W.W Birch pada tahun 1875.



FATIMAH MOHAMED

Sementara itu, anak Fatimah, Mazlan Mohd. Anuar, 58, berkata, jika benar Yacob merupakan anak Ngah Ibrahim, beliau hairan mengapa lelaki itu tidak pernah dilantik menjadi Orang Besar Jajahan.

Katanya, dakwaan Yacob bahawa Ngah Ibrahim melarikan diri dari Singapura juga sukar diterima kerana Ngah Ibrahim ketika itu sedang berada dalam tahanan.

Jelasnya, jika kejadian lari dari tahanan itu berlaku, sudah tentulah pihak British akan menjalankan gerakan memburu Ngah Ibrahim tetapi persoalannya mengapa perkara tersebut tidak berlaku atau dihebohkan.

"Bagaimanapun, pada saya kemungkinan dakwaan Yacob itu betul tetap ada kerana sebagaimana yang kita tahu British sebenarnya telah banyak 'memadam' sejarah orang Melayu demi kepentingan mereka.

"Jadi hanya dengan ujian DNA (asid deoksiribonukleik) sahaja yang akan dapat menentukannya," ujar Mazlan.